

Kurangkan keghairahan merebut jawatan — Mahathir

UM - 4 JUL 2000

IPOH 3 Julai — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini mengingatkan ahli UMNO termasuk ketua-ketua bahagian supaya mengurangkan keghairahan mereka merebut jawatan pada pemilihan peringkat bahagian tahun depan.

Presiden UMNO itu berkata, beliau terpaksa membuat rayuan itu bagi mengelakkan wujudnya situasi 'kalah-kalah' yang mana mereka yang tewas akan menarik diri dan akhirnya mengurangkan keanggotaan parti.

Beliau bagaimanapun berkata, parti belum membuat keputusan mengenai peraturan termasuk larangan berkempen pada pemilihan bahagian itu kelak.

"Sava meminta dan merayu kepada ketua-ketua" bahagian janganlah ghairah nak jadi ketua bahagian sehingga kalau kalah mereka tarik diri dan dengan itu, kita ada situasi kalah-kalah.

"Siapa juga kalah, siapa juga menang, yang kalah akan mengurangkan keanggotaan parti," katanya selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi UMNO (MT) di sini hari ini.

Pemilihan peringkat bahagian tahun depan juga akan menyaksikan perebutan jawatan

tan ketua bahagian yang akan berkhidmat selama tiga tahun.

Dalam pada itu Dr. Mahathir berkata, selain mesyuarat MT dua kali sebulan, UMNO juga akan mengadakan mesyuarat untuk membincangkan perkara-perkara tertentu.

"Satu mesyuarat akan diadakan oleh UMNO untuk membincangkan khusus soal agama yang telah disalahgunakan oleh Parti Pas dan tindakan tertentu menanganinya," katanya.

Beliau yang juga Pengerusi Barisan Nasional (BN) berkata, mesyuarat Majlis BN juga akan diadakan dan tarikhnya akan diumumkan kelak.

Mengulas mengenai pelantikan 10 ahli MT, beliau menjelaskan, ia dibuat bagi memberi tempat kepada mereka yang tidak berpeluang bertanding pada pemilihan lalu tetapi boleh memberi dan menyumbang sesuatu kepada parti.

"Dengan itu kita beri peluang kepada orang yang baru ini dan terpaksa kita tidak melantik orane lain.

"Mereka yang memegang jawatan tertentu akan berperanan dalam biro-biro yang akan ditubuhkan," katanya.